



KHASIAT... Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (tengah) menyaksikan majlis perjanjian kerjasama untuk mengedarkan susu 1Malaysia ke sekolah rendah seluruh negara, Disember lalu.

Lebih 3 juta murid dapat susu

KUALA LUMPUR: Dalam usaha melahirkan generasi baru lebih cerdas, kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan Program Susu Sekolah 1Malaysia yang dinikmati lebih tiga juta murid di 7,685 sekolah rendah kerajaan di seluruh negara.

Program di bawah kendalian Kementerian Pelajaran itu bermatlamat mewujudkan generasi muda yang sihat, kuat dan mempunyai mental lebih dinamik termasuk untuk membiasakan golongan pelajar mengambil minuman berkhasiat.

Walaupun pelbagai dak-

waan — dibuat berkenaan program susu itu kononnya menyebabkan keracunan kepada murid sekolah, ibu bapa masih menyokong inisiatif kerajaan melahirkan generasi terbaik pada masa akan datang.

Suri rumah, Zabaidah Sulong, 52, berkata, apa pun dakwaan segelintir pihak terhadap program itu, dia tetap menyokong langkah kerajaan dan berharap ia diteruskan.

Katanya, bagi mengelak dakwaan buruk terus dilemparkan, dia berharap kerajaan sentiasa memastikan kualiti susu diberikan itu yang terbaik.